

# Berita Manmin

NO. 17 15 JANUARI 2023

## “Kemuliaan di Syurga, Sukacita dan Sejahtera di Bumi!”

Majlis Pencahayaan Krismas 2022



Pada 9 Disember (Jumaat) pada pukul 8:00 malam, gereja kita menganjurkan ‘Majlis Pencahayaan Krismas’ yang disiarkan secara langsung melalui YouTube.

Sementara para pastor dan pekerja gereja yang mengharapakan Syurga dengan iman kepada Yesus Kristus dan berusaha untuk menyerupai kasih Tuhan berkumpul, Pastor Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan,

menekan butang lalu cahaya yang cantik dan berwarna-warni menghiasi taman di kediaman Pastor Kanan dengan terang.

Selepas persembahan istimewa oleh Diaken Seungwon Seo dari Jawatankuasa Seni Persembahan, Dr. Soojin Lee menggesa kita dengan berkata, “Kelahiran Tuhan Yesus ialah hadiah yang istimewa untuk kita. Tuhan Yesus, yang merupakan

janji keselamatan dan memberikan kita kehidupan yang kekal, telah memberikan kita janji kemenangan bahawa kita dapat mengatasi segala-galanya dengan harapan bagi kebangkitan dan Syurga. Untuk memberi hiburan, sukacita dan kesan kepada Tuhan, kita harus bertekad untuk berubah, menjadi lebih setia, dan menyebarkan kasih Tuhan.” Selepas pemotongan kek

Krismas, semua orang mengucapkan “Selamat Hari Krismasi” lalu acara itu berakhir.

Sementara itu, Ibadat Sepanjang Malam Jumaat pada 23 Disember diadakan sebagai ‘Ibadat Malam Sebelum Krismas’, dan persembahan yang bertajuk ‘Kegembiraan Krismas’ disiarkan pada bahagian kedua. Pada

tahun ini, anggota Sekolah Minggu Kanak-kanak, Misi Lelaki dan Wanita, Sekolah Minggu Pelajar, Misi Belia, dan Misi Kanaan mengambil bahagian dalam pujian, persembahan, penyembahan dan lain-lain. Mereka memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa Yang Maha Kasih, bersukacita atas kelahiran Yesus yang

datang ke bumi ini untuk kita dan membuka jalan keselamatan bagi semua orang.

Ibadat Pagi Ahad pada 25 Disember, Krismas, dipersembahkan sebagai “Ibadat Sambutan Krismas” dan “Ibadat Tahun Baharu 2023” dipersembahkan dari pukul 10:00 malam pada 31 Disember (Sabtu).

## “Saya sembuh daripada penyakit autoimun dan hiperhidrosis.”

Namji Yang (Usia 31, Gereja Manmin Daejeon)



Bermula satu hari pada tahun 2016, lepuh terbentuk pada muka saya satu persatu. Apabila lepuh itu pecah, tinggal parut dan sel kulit mati terbentuk, jadi kulit saya sentiasa tidak bersih. Khususnya, gejala itu bertambah teruk apabila saya mengambil produk tenusu atau daging, jadi saya perlu berhati-hati dalam memilih makanan.

Apabila saya pergi ke hospital dan mendapatkan pemeriksaan, doktor mengatakan bahawa itu merupakan sejenis penyakit autoimun. Doktor memberitahu saya untuk mengambil immunosupresan kerana imuniti seluruh tubuh perlu disekat untuk rawatan. Namun begitu, saya mahu sembuh secara ilahi. Saya terlebih dahulu mengambil gambar muka saya yang dalam keadaan teruk dengan menggunakan telefon bimbit saya kerana saya berfikir bahawa saya akan memerlukannya untuk kesaksian kesembuhan saya (Gambar kanan).

Walaupun saya berfikir bahawa saya akan sembuh pada suatu masa nanti, namun apabila kesempatan tiba, saya tidak dapat menyediakan diri saya dengan segenap hati dan saya juga tidak menerima doa dengan hati yang bersungguh-sungguh. Walaupun selepas covid-19, saya hanya berfikir, “Saya harus berdoa. Saya perlu berdoa,” tetapi saya tidak dapat

berdoa dengan baik dengan alasan bahawa saya sibuk.

Menjelang Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Mei 2022, saya memutuskan bahawa saya mesti sembuh pada kali ini. Dengan hati yang bersungguh-sungguh, saya berdoa, “Tolong beritahu saya apa yang harus saya taubatkan,” dan saya segera bertaubat daripada perkara yang saya sedar ketika beribadat dan berdoa di dalam gereja.

Akhirnya pada 27 Mei, saya pergi ke gereja dan menghadiri Ibadat Sepanjang Malam Jumaat yang diadakan sebagai Perjumpaan Kesembuhan Ilahi melalui GCN. Selepas khutbah, Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, berdoa untuk orang sakit dengan berkata, “Penyakit kulit, pergilah! Biarlah mereka mempunyai kulit yang halus seperti bayi.” Saya memberi perhatian terhadap kata-kata itu dan menerima doa dengan berkata, “Amin! Amin!”

Selepas itu, perkara-perkara yang menakjubkan mula berlaku kepada saya. Tidak kira apa jenis makanan yang saya makan, seperti produk tenusu atau daging, muka saya sama sekali tidak melepuh. Kulit saya menjadi bersih seperti kulit bayi. Selain itu, saya juga sembuh daripada hiperhidrosis iaitu peluh berlebihan pada tangan. Haleluyah!

Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa, Tuhan Yesus, dan Roh Kudus Penolong yang telah membimbing dan menyembuhkan saya supaya saya dapat berdoa dengan iman dan menerima jawapan.





Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

## Tujuh Ayat Terakhir Yesus di atas Kayu Salib (1)

“Ya Bapa, ampunilah mereka! Mereka tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka” (Lukas 23:34).

“Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus” (Lukas 23:43).

Yesus meninggalkan beberapa ayat sejurus sebelum Dia menghembuskan nafas terakhir-Nya di atas kayu salib, dan ayat-ayat ini disebut sebagai “Tujuh Ayat Terakhir di atas Kayu Salib”. Dalam edisi ini, ayat pertama dan kedua akan diterangkan.

### 1. Ayat Pertama, “Ya Bapa, ampunilah mereka! Mereka tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka.”

Yesus, Anak Tuhan, telah dikenakan hukuman penyaliban yang kejam kerana dosa-dosa kita. Bagi pihak semua umat manusia yang akan menerima hukuman mati, Yesus telah mengalami segala jenis penderitaan dan kesedihan. Itulah sebabnya tanpa pengetahuan ini, askar-askar Roma dan orang Israel tidak teragak-agak untuk membenci dan mencemuh Yesus, memperlakukan-Nya seolah-olah Dia ialah seorang pesalah yang sebenarnya ketika Dia digantung di atas kayu salib.

Namun begitu, Yesus bukan sahaja menderita dalam diam tetapi juga berdoa memohon pengampunan Tuhan bagi orang yang berkeras untuk membunuh-Nya. Perlu diingat bahawa doa ini bukan hanya untuk orang ramai yang hadir pada masa penyaliban Yesus malah untuk semua manusia yang masih hidup dalam kegelapan. Doa kasih Yesus merupakan sebab tidak terhitung banyaknya orang pada hari ini dapat menerima keselamatan.

Yang Tidak Bercela yang telah berdoa dengan penuh kasih untuk orang yang berdosa pada saat-saat terakhir-Nya di atas kayu salib mahu semua anak Tuhan pada hari ini untuk mengasihi dan mengampuni semua orang. Untuk sebab yang sama, Dia telah mengajar kita untuk berdoa, “Ampunkanlah kesalahan kami, seperti kami mengampuni orang yang bersalah terhadap kami” (Matius 6:12). Walaupun pada masa-masa apabila kita dianiaya tanpa sebab, Yesus tidak mahu kita bertindak dalam kejahatan atau menyimpan perasaan yang tidak baik, sebaliknya bertindak hanya dalam kebaikan terhadap orang yang menganiaya kita (Matius 5:44-45).

Oleh itu, dengan mengikuti Yesus yang mengasihi sekalipun orang yang berdosa yang menyalibkan dan mengejek-Nya, kita mesti mengasihi saudara seiman kita malah mengampuni dan mengasihi musuh kita.

### 2. Ayat Kedua, “Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus”

Terdapat dua orang penjahat yang disalibkan pada kedua-dua sisi Yesus. Salah seorang daripada mereka menghina Yesus, tetapi penjahat yang satu lagi menegurnya. Kemudian dia merayu kepada Yesus, “Ya Yesus, ingatlah akan saya, apabila Tuan menjadi Raja!” Yesus menjawabnya dan berjanji kepada penjahat itu, “Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus.”

Terdapat banyak kepentingan rohani yang terkandung dalam ayat kedua yang diucapkan oleh Yesus. Yang pertama ialah “Firdaus” yang merupakan kerajaan syurgawi. Dalam 2 Korintus 12:2-4, Rasul Paulus menulis bahawa “diangkat ke syurga yang tertinggi...ke Firdaus...mendengar perkara-perkara yang tidak boleh dan tidak dapat diungkapkan.” Dalam banyak bahagian di dalam Alkitab termasuk Nehemia 9:6 ada memberitahu kita tentang “seluruh angkasa”. Juga disebut tentang “langit yang tertinggi” dan sebagainya. Selain syurga fizikal (langit) yang dapat dilihat dengan mata kasar kita, terdapat juga syurga alam rohani (1 Raja-raja 8:27; Mazmur 68:33).

“Langit yang ketiga” yang mana terdapat kerajaan syurgawi terbahagi kepada banyak tempat kediaman syurgawi termasuk Firdaus iaitu tempat Rasul Paulus terangkat dan kota Yerusalem Baru seperti yang diterangkan dalam Wahyu 21:10-11. Yerusalem Baru berada di peringkat tertinggi kerajaan syurgawi dan akan didiami oleh orang meyerupai Tuhan Yesus kita, telah menyingkirkan semua dosa dan kejahatan dengan sepenuhnya, dan setia dalam semua aspek.

Penjahat yang menerima keselamatan semasa disalibkan di sebelah Yesus menerima Tuhan hanya sejurus sebelum kematiannya. Oleh itu, dia tidak

mempunyai masa untuk menyingkirkan dosa dan kejahatan hatinya serta tidak melakukan apa-apa untuk menunjukkan kesetiaannya kepada Tuhan. Oleh itu, dia hanya semata-mata dibenarkan untuk menerima keselamatan. Orang sedemikian akan masuk ke Firdaus, iaitu tempat kediaman yang paling rendah di dalam kerajaan syurgawi. Di antara Firdaus dan Yerusalem Baru ada banyak peringkat tempat kediaman yang berbeza. Tempat kediaman setiap orang akan ditentukan mengikut ukuran kesucian, iman dan kesetiaannya.

Sesuai dengan kebenaran Tuhan yang mengizinkan setiap orang menuai apa yang ditanamnya di dunia ini dan memberikan setiap orang menurut apa yang telah dilakukannya, kerajaan syurgawi terbahagi kepada pelbagai peringkat tempat kediaman. Dalam erti kata lain, tempat kediaman di Syurga akan berbeza bergantung kepada seberapa banyak setiap orang menyingkirkan dosa dan menyerupai Tuhan Yesus. Dengan cara yang sama, kemuliaan, pahala, kegembiraan dan autoriti setiap tempat kediaman di Syurga adalah berbeza bagi setiap penghuni.

Ini adalah sebabnya 1 Korintus 15:41 memberitahu kita, "Keindahan matahari lain daripada keindahan bulan. Bintang-bintang pun mempunyai keindahannya sendiri. Sebenarnya bintang-bintang pun mempunyai keindahan yang berlainan." Jika seseorang mempunyai iman yang sejati, dia mesti bersungguh-sungguh mempunyai keinginan untuk mencapai tempat kediaman syurgawi yang lebih baik. Seperti yang dinyatakan dalam Matius 11:12, "Sejak Yohanes Pembaptis mengkhabarkan beritanya sehingga saat ini, Pemerintahan Allah telah dilawan oleh orang ganas yang berusaha menguasainya dengan kekerasan," semakin setiap daripada kita mengalahkan Iblis dan dosa serta menyerupai Tuhan Yesus, tempat kediaman syurgawi yang lebih baik dapat kita masuki dan diami.

Jika kita dibenarkan untuk masuk ke Syurga dengan dosa seperti iri hati, cemburu, menghakimi, mengutuk, membenci, pengkhianatan, penipuan, ketamakan, panas baran, zina dan seumpamanya, Syurga tidak dapat menjadi tempat kediaman yang suci dan menggembirakan. Oleh itu, kita tidak dapat masuk ke Syurga dengan dosa dan kejahatan yang masih tersisa dalam hati kita tetapi hanya dengan apa yang telah kita tanam dalam hati kita dengan kebaikan dan roh. Selain itu, orang yang telah menanam jumlah yang sama dengan kebaikan dan roh akan berkumpul untuk tinggal di tempat kediaman yang sama. Sama seperti seseorang akan berasa lebih seronok untuk bekerja dan tinggal dengan orang daripada kumpulan usia atau keperibadian yang sama di dunia ini, kehidupan di Syurga akan menjadi lebih selesa dan menggembirakan apabila mereka tinggal bersama orang yang mempunyai ukuran yang sama dari segi kesucian dan iman serta setakat mana mereka menyerupai Tuhan Yesus.

Yesus memberitahu seorang penjahat yang disalibkan di sebelah-Nya, "Pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus." Hal ini tidak bermaksud bahawa Yesus akan tinggal di Firdaus bersama penjahat itu. Yesus berkata demikian kepada penjahat itu kerana Dia ialah Penguasa semua tempat kediaman di Syurga dan akan memerintah mereka selepas kebangkitan dan pengangkatan-Nya.

Selain itu, "hari ini" tidak bermaksud bahawa Yesus pergi ke Firdaus pada hari Dia disalibkan. Ketika penjahat itu menjadi anak Tuhan selepas menerima keselamatan melalui iman, Yesus memberitahunya bahawa Dia akan bersamanya di mana-mana sahaja dia berada mulai saat itu. Begitu juga, apabila kita menerima Tuhan Yesus dan menerima keselamatan, mulai hari itu Tuhan Yesus kita akan mengingati kita dan sentiasa bersama kita.

Oleh itu, ke manakah Yesus pergi pada hari itu, pada hari Jumaat Dia meninggal di atas kayu salib? Matius 12:40 memberitahu kita, "...demikian juga Anak Manusia akan tinggal tiga hari dan tiga malam di dalam perut bumi," dan Efesus 4:9 mengingatkan kita bahawa Yesus "turun ke tempat yang serendah-rendahnya di bumi ini." 1 Petrus 3:19 juga memberitahu kita, "Dia pergi mengisytiharkan berita daripada Allah kepada roh-roh yang dipenjarakan." Ingatlah bahawa setelah menghembuskan nafas-Nya yang terakhir di atas kayu salib, Yesus tidak pergi ke Firdaus tetapi "pergi mengisytiharkan berita daripada Allah kepada roh-roh yang dipenjarakan." Di sini, "roh-roh yang dipenjarakan" merujuk kepada semua orang yang layak untuk menerima keselamatan tetapi telah mati sebelum Yesus memikul kayu salib dan menjadi Penyelamat.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, sehingga saat terakhir kehidupan-Nya di dunia ini, Yesus berdoa dengan kasih untuk semua manusia dan menanam harapan untuk Syurga dalam hati penjahat yang menerima-Nya. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar setiap antara anda akan berusaha untuk mendapat tempat kediaman yang lebih baik di Syurga dengan memahami kasih Yesus dengan lebih jelas.

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan  
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)

E-mel: [manminen@manmin.kr](mailto:manminen@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

## SOROTAN KHAS



## Erti Sebenar Krismas

Pada hari Krismas, kita memperingati dan meraikan kelahiran Tuhan Yesus kita yang turun ke bumi untuk menyelamatkan manusia.

Anak-anak Tuhan harus memahami erti sebenar Krismas dan menyebarkan erti itu kepada sebanyak mungkin orang untuk meninggikan nama Tuhan Yesus Kristus di atas bangsa-bangsa dan dimuliakan.

### 1 Krismas ialah anugerah keselamatan kepada semua manusia.

Semua manusia telah dibebaskan daripada dosa dan dapat mencapai keselamatan melalui kelahiran Yesus. Atas sebab ini, Krismas meraikan kelahiran Yesus sebagai hari Tuhan memberi keselamatan kepada manusia. Pada hari ini, semua orang harus bergembira.

Melalui Yesus, Penyelamat kita, kita telah diselamatkan daripada kematian kekal, iaitu jatuh ke dalam Neraka, dan kita memperoleh kewarganegaraan surgawi untuk tinggal di Syurga dengan bahagia selama-lamanya. Jika kita

benar-benar memahami rahmat keselamatan, kita akan penuh dengan rasa syukur dalam segala hal. Selain itu, kita akan setia dan berbakti untuk membalas kasih dan rahmat Tuhan yang besar.

Kita tidak seharusnya berseronok dengan jamuan makan, menyertai pesta, dan minum minuman beralkohol di tengah-tengah perayaan duniawi pada hari Krismas. Kita harus memahami dan merasakan dengan hati kita tentang betapa besar, syukur, berkat dan gembira rahmat keselamatan.

### 2 Krismas mempunyai erti bahawa Tuhan menunjukkan kasih-Nya yang paling besar kepada manusia.

Tuhan yang sendiri merupakan kasih, telah mengutus Anak-Nya Yesus yang sangat dikasihi-Nya ke bumi ini untuk menyelamatkan orang yang berdosa (1 Yohanes 4:9-10). Yesus terpaksa menjadi kutukan bagi pihak mereka dan digantungkan di atas kayu salib dan mati di atasnya untuk orang yang berdosa demi menjadi Penyelamat.

Tuhan telah mengutus Anak-Nya yang tunggal, Yesus, ke bumi ini sebagai korban penebusan bagi dosa-dosa kita. Tuhan mengutus

Yesus untuk menerima semua korban dan penderitaan serta membayar semua hukuman dosa bagi pihak orang yang berdosa (Roma 5:7-8).

Dengan kasih Tuhan Bapa yang besar ini, Yesus dilahirkan di bumi ini, dan hari untuk meraikan kebenaran ini ialah Krismas. Oleh itu, pada hari Krismas kita harus merasakan dan mengalami kasih Tuhan secara mendalam di dalam hati kita dan semakin mengasihi Tuhan dengan segenap hati.

### 3 Krismas mempunyai erti bahawa Tuhan memimpin anak-anak-Nya yang sejati ke Syurga, dan berkongsi kasih dan kegembiraan selama-lamanya.

Tuhan, yang telah mengutus Yesus ke bumi sebagai pendamai bagi dosa-dosa kita, mahu semua manusia diselamatkan dan menikmati berkat kekal di dalam kerajaan Syurga. Sehingga sekarang, Dia bersungguh-sungguh mahu semua manusia memasuki Syurga yang indah di mana hanya ada kebahagiaan, kegembiraan, kedamaian dan kasih. Khususnya, Tuhan sedang menantikan anak-anak sejati yang dapat berkongsi kasih sejati yang tidak berubah selama-lamanya.

Tuhan Bapa memberi Anak-Nya yang tunggal bukan sahaja untuk membuatkan semua manusia mencapai keselamatan malah juga untuk memperoleh anak-anak terbaik yang menyerupai hati Tuhan Yesus yang indah dan baik. Hal ini adalah untuk membawa anak-anak yang sejati ke Yerusalem Baru, iaitu kota yang terindah di dalam kerajaan Syurga, untuk membawa mereka dekat kepada takhta Tuhan dan untuk berkongsi kasih dengan mereka selama-lamanya. Haleluyah!

Pada tahun 2019, walaupun anak lelaki saya, Shrinjoy berusia tiga tahun, dia tidak dapat bercakap melainkan menyebut “Ibu! Ayah!” Suami saya dan saya berfikir bahawa hal ini pelik lalu membawanya ke hospital. Kami berasa terkejut apabila mendengar bahawa dia menghidap autisme. Dalam kesedihan, saya tidak tahu apa yang perlu saya lakukan, seolah-olah langit runtuh.

Pada suatu hari, ketika saya mengalami masa yang sangat menyedihkan, saya terjumpa GCNTV HINDI dan Gereja Manmin Delhi sewaktu saya melayari YouTube. Namun begitu, kami hanya menghadiri ibadat secara formal.

Pada tahun 2020, Shrinjoy berusia empat tahun dan masuk sekolah, tetapi dia selalu cuba menyendiri tanpa bergaul dengan kanak-kanak lain. Gurunya berkata bahawa dia tidak menjawab apabila dipanggil, tidak bercakap, dan tidak memberi perhatian terhadap pelajaran sekali gus mengganggu pembelajaran kanak-kanak lain.

Pengetua berkata bahawa dia perlu dihantar ke sekolah khas untuk kanak-kanak autisme. Doktor malah berkata bahawa dia perlu dihantar ke sekolah khas. Amat perit bagi saya jika saya terpaksa menghantar anak saya ke sekolah khas.




Apabila kami berhadapan dengan situasi ini, saya dan suami saya hanya berserah kepada Tuhan. Kami menghadiri ibadat dengan menyembah Tuhan Yang Maha Kuasa dengan segenap hati kami, bersungguh-sungguh berharap agar anak kami akan sembuh. Ketika saya menerima rahmat besar daripada khutbah Dr. Jaerock Lee, Pastor Kanan Gereja Pusat Manmin, kehidupan iman saya berubah.

Saya ingin lebih mengetahui kehendak Tuhan sambil menghormati

## “Autisme anak saya telah sembuh. Ini merupakan satu keajaiban!”

Diaken Swapna  
(Usia 37, Bihar, India)



hari Tuhan Yesus dengan sepenuhnya dan memberi persepuluhan penuh, jadi saya mendengar banyak khutbah Dr. Jaerock Lee seperti ‘Pesanan Salib’, ‘Ukuran Iman’, dan ‘Kebaikan’.

Sementara itu, saya menemui jawapan dan sangat gembira seolah-olah saya telah menemui harta karun. Yakni, saya mendengar kata-kata, “Terdapat situasi di mana kanak-kanak mendapat autisme akibat dosa ibu bapa.”

Ketika saya mendengar kata-kata itu, saya cuba untuk memahami jenis dosa ibu bapa yang menyebabkan anak saya mendapat gejala ini. Pada hari saya mengambil bahagian dalam “Perjumpaan Zoom” yang dipimpin oleh Pastor John Kim dari Gereja Manmin Delhi, ketika saya mendengar khutbah, saya sedar bahawa ‘zina’

ialah masalahnya lalu saya bertaubat daripadanya dengan linangan air mata.

Pada tahun 2021, selepas menerima doa melalui GCNTV HINDI semasa Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang dipimpin oleh Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, lengan saya yang tidak dapat saya angkat atau bengkokkan kerana sakit telah sembuh. Saya secara peribadi telah mengalami karya ini, jadi saya semakin berasa terdesak untuk kesembuhan anak saya daripada autisme.

Semasa Retret Musim Panas Manmin 2022, saya mula berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk kepastian kesembuhan anak saya. Kemudian, dengan rahmat Tuhan, saya disedarkan dan saya mengampuni orang yang tidak saya ampuni. Suami saya juga bertaubat daripada dosanya.



Pada 1 Ogos 2022, Retret Musim Panas Manmin bermula. Melalui GCNTV HINDI, saya dan suami saya dengan iman menerima doa untuk orang sakit daripada Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, semasa Perjumpaan Kesembuhan Ilahi.

Selepas itu, satu keajaiban berlaku dalam keluarga kami. Apabila saya memanggil, “Shrinjoy”, dia memandang saya, menjawab soalan-soalan saya, dan menyatakan pendapatnya dengan membina ayat demi ayat.

Jiran-jiran melihat anak saya dan bergembira kerana dia tidak kelihatan seperti kanak-kanak autistik. Ibu mentua saya juga menerima Tuhan Yesus dan menyertai kami dalam ibadat Gereja Pusat Manmin melalui GCNTV HINDI. Haleluyah!

Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Tritunggal yang dengan jelas menunjukkan jalan kesembuhan dan jawapan melalui khutbah berharga daripada Dr. Jaerock Lee dan memimpin kami ke jalan berkat.